

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI NSTP KALI KE-56 (MAPT)



Sesi bergambar perwakilan, kakitangan & tetamu.



Dari kiri Mohd Fadzil Abdul Ghani, Mohd Fadzli Mat Lahim, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Abdul Rahim Llin



Perwakilan tekun mengikuti mesyuarat agung tahunan.



Barisan Exco & wakil SKM (kiri) mengendalikan mesyuarat perwakilan.

23 JUN 2024 - Mesyuarat Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad kali Ke-56 telah berlangsung di Ideas Hotel Kuala Lumpur.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Mohd Fadzil Abdul Ghani, selaku Penggerusi Koperasi NSTP mengenai prestasi koperasi pada tahun 2023 dan perancangan projek perniagaan yang akan diceburi pada masa hadapan. Beliau juga menyatakan bahawa sekarang koperasi sedang menjalani proses penjenamaan semula dengan mengikuti plan strategik 2024 sehingga 2030.

Ucaptama oleh Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Yang Dipertua Koperasi NSTP seterusnya dirasmikan oleh Mohd Fadzli Mat Lahim, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan. Turut hadir Norlizawati Daud, Penyelia Koperasi Nasional D Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan serta Azninor Buyong dan Fathiyah Selamat, wakil Juruaudit Luar A.Razak & Co.

Mesyuarat kali ini dihadiri seramai 28 orang perwakilan, MAPT diadakan dengan membentangkan agenda-agenda seperti yang diperuntukkan selaras dengan Seksyen 39 Akta Koperasi 1993 dan sub Peraturan 14 (1) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

Tahniah kepada semua perwakilan koperasi NSTP yang telah menghadiri dan mengambil bahagian dalam mesyuarat kali ini.

#KOOPNSTP

#MAJUKOPERASIA NGGOTABAHAGIA